



Sabtu – 16 Januari 2021

Halaman : 22

3 wanita hendak bersalin naik heli

Gua Musang: Tiga wanita Orang Asli yang sudah cukup bulan hendak bersalin dan terperangkap di Pos Gob, dekat sini, kerana jalan perhubungan terputus, diselamatkan anggota bomba, semalam.

Mereka dibawa ke Hospital Gua Musang (HGM) dengan menggunakan penerbangan ihsan helikopter Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Wanita terbabit ialah Razem Anjang, 27, Saiyana Embah, 24, dan Subaidah Angah, 26, yang diiringi suami masing-masing.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Subang, Penolong Pengguna Bomba Mohd Farhan Marzuki berkata, ini adalah kali pertama mereka membawa tiga wanita Orang Asli hendak ber-



WANITA Orang Asli hendak bersalin yang terperangkap di Pos Gob turun dari helikopter Unit Udara JBPM sebelum ke HGM.

salin serentak.

Katanya, helikopter Crew Agusta A109E (9M-BOB) itu berlepas dari Subang jam 9.30 pagi sebelum mendarat di Kampung Lalok, Pos Gob jam 10.45 pagi.

"Kami menerima permohonan bantuan penerbangan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JA-KOA) Gombak pada 6 petang semalam (kelmarin).

"Permohonan itu bagi menyelamatkan tiga wanita Orang Asli sakit hendak

bersalin dan terperangkap di Kampung Lalok, Pos Gob kerana perhubungan jalan balak rosak teruk.

"Alhamdulillah, mereka bertiga dapat diselamatkan setelah dilakukan penerbangan segera walaupun cuaca berkabus tebal," katanya.

Mohd Farhan berkata, helikopter membawa tiga wanita Orang Asli itu kemudian mendarat di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang pada jam 11 pagi.

Katanya, mereka dalam keadaan stabil dan boleh berjalan dikejarkan ke HGM menggunakan jentera EMRS disediakan JPBM.

Penerbangan itu diketuai Juruterbang Timbalan Pengguna Bomba II, Mohd Faizal Abd Latif dan dibantu Penolong Juruterbang, Penolong Pengguna Bomba, Fazli Ezham Jamil.